

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK]**  
**TARIKH** : **19.5.2016**  
**SOALAN** :

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah objektif, impak dan keberkesanan program 'i Think' ini kepada guru-guru dan para pelajar dan bagaimana hasil keberkesanan program ini ke atas beberapa sekolah perintis yg dijalankan pada tahun lepas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program i-Think adalah program yang bertujuan mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid berfikiran kritis, kreatif dan inovatif. Program ini merupakan elemen penting dalam Strategi Inovasi Kebangsaan (*Innovating Malaysia*) untuk memacu inovasi negara demi mencapai Wawasan 2020 serta memenuhi salah satu daripada enam (6) aspirasi kemenjadian murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2012 secara bersemuka di 1,058 buah sekolah dan 98,000 guru secara dalam talian.

Dengan menggunakan Alat Berfikir (*Thinking tools*) yang diperkenalkan; murid akan lebih fokus, berkeyakinan dan aktif di dalam kelas. Aktiviti akan lebih banyak berpusatkan murid. Guru dan murid juga diberi teknik untuk menyoal menggunakan soalan aras tinggi. Murid digalakkan untuk menyoal murid kepada murid, dan murid kepada guru. Prestasi murid juga dijangkakan akan meningkat selepas menggunakan alat berfikir dan teknik menyoal dalam pengajaran dan pembelajaran. Hubungan guru dengan murid lebih rapat kerana guru lebih banyak berperanan sebagai fasilitator.

Laporan kajian oleh badan perundingan pendidikan di sepuluh (10) buah *showcase* i-Think pada tahun 2014 juga menunjukkan bahawa pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) masih pada tahap yang rendah dalam aspek pengurusan dan kepimpinan sekolah, pengajaran dan pembelajaran guru, pembelajaran murid, sumber, latihan dan pentaksiran.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) telah melaksanakan Pemeriksaan Penuh yang berfokus kepada KBAT pada tahun 2015 di 90 buah sekolah rendah dan 60 buah sekolah menengah. Hasil pemeriksaan tersebut menunjukkan guru kurang mahir dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran KBAT. Pengajaran dan pembelajaran masih berpusatkan guru dan murid masih kurang yakin untuk mengemukakan jawapan yang kreatif dan kritis. Bakat dan potensi murid tidak dicungkil semasa pengajaran dan pembelajaran dan sumber rujukan pembelajaran masih terbatas kepada buku teks sahaja.